

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	30/8/2017

Hari Kebangsaan 2017 tampil kejayaan Malaysia susur perjalanan 60 tahun - Najib

# Sambutan unik, bersejarah

Oleh NAZWIN NAZRI  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 29 OGOS

**D**ATUK Seri Najib Tun Razak menyifatkan Hari Kebangsaan 2017 yang akan berlangsung Khamis ini sebagai sambutan yang unik, istimewa dan bersejarah kerana Malaysia berjaya menyusuri perjalanan 60 tahun dengan baik selepas mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.


Perdana Menteri berkata, susulan kejayaan dicapai negara, rakyat seharusnya menghargai jasa dan pengorbanan pemimpin terdahulu serta individu yang terlibat dalam perjuangan untuk memerdekakan negara.

Menurutnya, usaha penganjur Hari Kebangsaan 2017 mengadaptasi pencapaian serta perjuangan yang dilakukan generasi terdahulu ke dalam persembahan pada Khamis ini bukan sahaja menyemarakkan sambutan kali ini, malah membuatkan tarikh tersebut tidak akan dilupakan oleh seluruh rakyat.

“Apabila pencapaian itu dijadikan persembahan, kita akan dapat merasai apa yang diusahakan generasi sebelum ini merupakan perkara yang sangat cemerlang,” katanya ketika berucap dalam raptai penuh sambutan Hari Kebangsaan 2017 di Dataran Merdeka di sini, hari ini.

Yang turut hadir ialah Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak.

Raptai hari ketiga bermula pukul 7 sehingga 11 pagi itu



NAJIB TUN RAZAK melaungkan *Merdeka!* semasa menyertai raptai penuh sambutan Hari Kebangsaan 2017 di Dataran Merdeka, semalam. - UTUSAN/GAIE UCHEL

menggabungkan beberapa elemen persembahan, antaranya senario peperangan untuk memerdekakan Tanah Melayu, tarian, perarakan enam kontinjen serta pancaragam berjalan lancar seperti yang dirancang.

Dalam ucapannya, Najib turut menyeru rakyat supaya menyemai semangat bahawa mereka adalah generasi penyambung, penerus serta generasi Transformasi Nasional 2050 (TN50).

“Ingat kata-kata, perjalanan diteruskan, perjalanan kita perlu diteruskan, perjalanan kita akan diteruskan sehingga Malaysia capai kejayaan,” tegasnya.

Terdahulu, dalam raptai penuh itu, Najib turut melaungkan perkataan *Merdeka!* sebanyak tujuh kali.

Dalam pada itu, Perdana Menteri turut menzahirkan rasa puas hati selepas menamatkan raptai penuh persem-

bahan Hari Kebangsaan 2017 yang disertai 18,000 orang yang mana setiap segmen mengandungi mesej tentang kemerdekaan negara.

“Saya berpuas hati dengan persembahan kali ini dan tayangan video sebentar tadi yang menunjukkan kesusahan kita pada peringkat awal mencapai kemerdekaan. Oleh itu, kita akan tunjukkan persembahan yang tidak boleh dilupakan rakyat Malaysia,” ujar beliau.



**Apabila pencapaian itu dijadikan persembahan, kita akan dapat merasai apa yang diusahakan generasi sebelum ini merupakan perkara yang sangat cemerlang.”**

NAJIB TUN RAZAK  
Perdana Menteri

um-30/8/2017 pg.3